

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
(SIBU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa sistem GST kita lebih rumit berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai sistem percukaian GST. Terutamanya dari segi borang-borang yang melibatkan pendaftaran GST. Adakah "code Industry" wajib diisikan, bagaimana caranya untuk menentukan "code industry" sesebuah perniagaan, kalau diisi dengan salah, apakah akibatnya.

JAWAPAN

Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan di Malaysia adalah digubal dengan mengambil amalan baik (*best practices*)

di beberapa buah negara yang telah lama melaksanakan GST termasuk Australia, United Kingdom, New Zealand dan Singapura, di mana struktur tertentu telah disesuaikan dengan keperluan tempatan. Oleh itu, isu sistem GST di Malaysia yang dikatakan rumit adalah tidak benar.

Proses pendaftaran GST telah dipermudahkan melalui pendaftaran secara *online* dan panduan pendaftaran perniagaan juga disediakan di portal GST iaitu gst.customs.gov.my seperti berikut:

i. Buku Panduan "GST Electronic Services Taxpayer Access Point (TAP)";

dan

ii. *Multimedia Video for Registration*.

Bagi isu kod industri, ianya bukan suatu perkara yang baharu kepada peniaga yang membuat taksiran cukai pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Kod yang digunakan dalam sistem GST adalah sama seperti yang diguna pakai oleh LHDN atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Kod Industri tersebut disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang berdasarkan kepada piawaian antarabangsa. Untuk membolehkan para peniaga menentukan kod industri masing-masing, proses penentuan kod industri telah dipermudahkan dengan menyediakan pautan (*link*) kepada laman sesawang e-MISC. Buat masa ini, kesilapan

mengisi kod industri bukan merupakan satu kesalahan dan Jabatan Kastam akan membantu peniaga untuk membetulkan sebarang kesilapan yang berlaku semasa pendaftaran.